

**Ucaptive di dalam Forum Pra Kongres Majlis Muafakatan Melayu Malaysia
Memperingati 70 Tahun Kongres Pertama Kebangkitan Melayu Bersatu Padu**

Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz

Dewan Budaya USM, Pulau Pinang

1 Mac 2016

[Senarai VIP]

Yang Berbahagia Tan Sri2, Puan Sri2, Dato'2, Datin2, Tuan2 dan Puan2

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Terima kasih atas pengenalan yang diberikan sebentar tadi. Saya amat berbesar hati atas jemputan dan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk berucap pada hari ini. Saya sering menerima banyak jemputan untuk berucap, baik untuk majlis-majlis bersama pelajar, di universiti-universiti, atau majlis anjuran badan-badan kebajikan, pelancaran pameran, dan juga acara kebudayaan. Tetapi saya jarang berucap di majlis sebegini.

Sebenarnya saya memang suka berucap di Pulau Pinang. Ada tiga acara yang masih terpahat dalam ingatan saya.

Pertama ialah di MRSM Kepala Batas pada bulan Februari 2012. Saya dijemput untuk menyampaikan ucapan mengenai Peranan Belia Dalam Agenda Integriti di Malaysia. Saya masih ingat lagi betapa kagumnya saya dengan anak-anak Melayu di dalam sesi dialog yang boleh berbincang dengan penuh keyakinan, berwawasan, dan dengan fikiran yang terbuka. Malahan mereka kelihatan jauh lebih interaktif berbanding pelajar-pelajar yang pernah saya temui di sekolah-sekolah elit.

Kedua ialah pada bulan Disember 2012, dalam satu majlis untuk memperingati Allahyarham Tan Sri P Ramlee. Tan Sri P Ramlee ialah warga Pulau Pinang yang paling saya minati. Saya selalu mengulas tentang kepakaran tinggi beliau bukan sahaja dalam bidang lawak jenaka, malah dalam bidang muzik, lakonan serta pengarah. Tarikan beliau yang paling istimewa bagi saya ialah kebolehan Allahyarham merakam dan berkongsi hakikat budaya Melayu dengan begitu teliti. Bagi mereka yang segenerasi dengan saya yang tidak membesar bermain congkak, silat, caklempong, boria dan wau, filem-filem Tan Sri P Ramlee-lah yang memperingatkan kita akan kehidupan sebelum era internet.

Ucapan ketiga yang masih saya ingat ialah pada bulan Ogos lepas di Masjid Kapitan Kling. Majlis tersebut merupakan pelancaran satu pameran fotografi anjuran Suruhanjaya Tinggi New Zealand berkaitan sejarah warisan orang Islam di Pulau Pinang, perjalanan mereka untuk datang ke pulau ini dan ke-pelbagai-an asal usul mereka.

Majlis kita hari ini merupakan kesinambungan yang baik daripada ucapan-ucapan saya sebelum ini. Dalam kita memperingati perhimpunan yang berlangsung tujuh puluh tahun yang lalu untuk melakar masa depan bangsa kita, kita harus bertanya apakah kedudukan dan kejayaan yang telah kita capai dalam bidang akademik dan bidang-bidang profesional lain? Bagaimanakah kefahaman kita terhadap budaya kita dan bagaimanakah kita mempromosi budaya itu? Dan bagaimana pula dengan kedudukan agama kita sekarang?

Seperti tuan2 dan puan2, saya juga amat bangga dengan ejarah warisan saya. Walaupun salasilah saya boleh dikesan sehingga ke Sumatra, Siam dan Hadhramaut, pengalaman saya sebagai anak Melayu di Malaysia hari ini memberi keyakinan kepada saya untuk berinteraksi dengan orang lain baik di negara kita ataupun di luar negara. Sebelum ini, semasa saya menetap di London dan di Washington DC, saya sering teringat kepada lomang paneh dan keropok lekor. Sekali sekala saya akan cuba untuk masak sendiri, *tapi kadang-kadang tak jadi*. Saya pasti bagi Tuan Yang Terutama, nasi kandaq sentiasa di hati. Itulah yang menunjukkan kepelbagaian kita sebagai orang Melayu. Bersekali dengan agama Islam, itulah yang menjadi petunjuk kepada saya dalam menjalani kehidupan seharian.

Tetapi dalam negara kita sekarang, isu identiti sering mencetuskan perbalahan. Sering sekali ada pihak yang mahu memberi definisi identiti orang lain, sehingga ia membawa kepada stereotaip dan juga kegusaran kerana mereka dipaksa membandingkan diri mereka dengan kayu ukur yang ditentukan oleh orang lain. Isu identiti ini juga sering dipolitikkan. Hari ini begitu banyak sekali perkara yang dilakukan atas nama bangsa atau agama. "Kita harus buat begini kerana kita Melayu". "Kita harus buat begini kerana kita Muslim".

Adakah ini wajar?

Tuan2 dan Puan2 sekalian,

Mungkin kisah Dato' Sir Onn Ja'afar boleh menjadi teladan. Hari ini kita memperingati kongres yang beliau anjurkan untuk melawan Malayan Union. Matlamat itu berjaya dicapai dan seterusnya lahirnya sebuah parti politik yang amat berjasa kepada kita. Tetapi kita mesti juga ingat bahawa Dato' Onn menubuhkan dua lagi parti politik selepas itu.

Dalam parti pertama beliau, Dato' Onn digantikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Minggu lepas kami di IDEAS meraikan ulang tahun keputeraan Tunku Abdul Rahman yang ke 113. IDEAS telah dilancarkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 2010, dan saya difahamkan bahawa beliau telah memberi ucapan yang sebegini pada tahun 2008 di mana beliau telah menyatakan: "Selepas kemerdekaan, orang Melayu sanggup bertolak ansur dengan kaum-kaum lain: menerima mereka sebagai rakyat Tanah Melayu, mengajak mereka bersama-sama memerintah negara ini, membenarkan mereka mengekalkan dan mengembangkan bahasa, budaya dan agama mereka asalkan tidak bercanggah dengan apa-apa syarat yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan."

Kita semua tahu bagaimana Tunku Abdul Rahman telah memberi sokongan yang jitu kepada Ku Li, semasa beliau menyertai Semangat 46, di mana pada waktu itu suasana politik amat tegang – sejarah mungkin berulang! Kami di IDEAS mengutamakan prinsip-prinsip Tunku Abdul Rahman, terutamanya keyakinan Tunku kepada demokrasi dan sikap beliau yang toleran. Inilah sikap yang membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan.

Parti Dato' Onn dan Tunku Abdul Rahman telah mengorak langkah ke hadapan dengan menukar seruan mereka daripada "Hidop Melayu" kepada "Merdeka". Tunku juga berulang kali memenuhi visi beliau untuk tanah air kita sebagai sebuah negara yang merdeka. Kesungguhan Tunku telah menanamkan semangat optimis yang dikongsi oleh seluruh warga Malaya, bukan sebahagian sahaja. Tunku berjaya membawa kesatuan yang tidak pernah dilihat di Malaya sebelum itu, baik semasa zaman British mahupun semasa keganasan komunis. Pemimpin terdahulu membawa kejayaan dengan menyeru kepada perpaduan.

Tetapi hari ini, segelintir ahli politik mencapai kejayaan dengan cara membawa perpecahan. Mereka mungkin bercakap mengenai perpaduan tetapi hakikatnya mereka membawa mesej yang boleh melaga-lagakan sesama kita. Malangnya, mereka tidak lagi berpegang kepada prinsip.

Mungkin apa yang berlaku pada tahun 1946 telah menyebabkan apabila kita berbicara mengenai perpaduan pada hari ini, kita terus terfikir mengenai perpaduan politik. Seolah-olah perpaduan hanya akan tercapai jika kita mengundi satu parti yang sama, atau menyokong seorang tokoh politik sahaja.

Tetapi hakikatnya persaingan dan perbezaan politik bukan bermaksud perpecahan. Lihat sahaja di negara seperti Jepun, Indonesia, Mongolia atau Tunisia. Rakyat yang sebangsa boleh sahaja bersaing dalam arena politik. Di sana, politik tidak didominasi oleh isu kaum dan agama. Tetapi mereka berdebat mengenai dasar-dasar awam seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan ekonomi, bagaimana perkhidmatan boleh disediakan.

Dalam negara demokrasi sebenar, perbezaan pandangan dan perbezaan sikap mengenai bagaimana untuk mentadbir negara adalah biasa. Tetapi mereka tidak lah pula sampai berbunuh-bunuhan. Mereka mengiktiraf perlembagaan dan di sana wujud kestabilan politik. Dan mereka bersatu dibelakang simbol-simbol yang tiada kena-mengena dengan politik seperti Maharaja, lagu kebangsaan, bendera, dan adat resam. Di Malaysia, kita mewarisi institusi Raja, Yang di-Pertua Negeri, dan Yang di-Pertuan Agong yang turut boleh menjadi fokus penyatuan di peringkat negeri dan negara, baik bagi orang Melayu mahupun bukan Melayu.

Tetapi ada sesetengah ahli politik yang tidak menghiraukan elemen perlembagaan ini. Mereka mendakwa bahawa hanya parti politik mereka sahajalah yang boleh menyatukan rakyat. Dan mereka menjadikan dakwaan itu sebagai agenda utama, sehingga pencurian, rasuah dan penyelewengan pun mahu disembunyikan.

Jika kita mahu menjadikan demokrasi di Malaysia ini selaras dengan apa yang diimpikan semasa Merdeka, maka kita wajib keluar daripada mentaliti kepartian itu dan menerima bahawa persaingan politik adalah satu perkara yang sihat. Ia tidak seharusnya mencairkan kesetiaan kita kepada Raja, negara dan adat resam yang kita warisi. Sepertimana Dato' Onn sendiri telah menyatakan 70 tahun lalu hari ini: "Sungguhpun ada di antara kita yang berlain-lainan fikiran dan faham serta berlain-lainan taraf dan kedudukan kita tetapi hakikat tujuan dan maksud kita hanya satu jua; iaitu kita hendak meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita."

Tuan2 dan Puan2,

Jika di lihat sejarah kita, maka kita pasti sedar bahawa sebenarnya kita telah pun mengharungi satu perjalanan yang jauh. Lima puluh generasi dahulu nenek moyang kita mungkin pernah bunuh-membunuh sesama mereka kerana agama. Malahan, lima generasi dahulu pun datuk datuk kita pernah berperang atas nama identiti mereka sebagai orang Bugis, Jawa atau Minang. Pernah juga berlaku perang saudara dalam negeri-negeri kita, dan juga pelbagai pakatan yang dibentuk dengan pelbagai kuasa Eropah. Tetapi kita telah berjaya mengatasi semua itu demi mencapai kemerdekaan. Dan kita mesti meneruskan perjalanan kita dengan semangat yang sama semasa Merdeka dahulu jika kita mahu berjaya dalam dunia global ini.

Ya, memanglah semua episod sejarah yang pernah kita lalui tidak wajar kita lupakan. Dengan mengingati sejarah, kita boleh belajar bagaimana untuk mencapai kehebatan yang pernah kita miliki satu masa dulu. Tetapi malangnya ada di antara kita yang melihat ke belakang tanpa mempelajari apa-apa. Contohnya, setiap orang Melayu pasti bangga mengenangkan Zaman Kegemilangan Kesultanan Melaka. Tetapi tidak ramai yang bertanya bagaimana Melaka mencapai kegemilangan tahap itu,

sedangkan ianya amat penting untuk kita semua pelajari. Apa yang menjadikan tadbir urus Melaka pada masa itu amat cemerlang? Antara sebabnya termasuklah kedaulatan undang-undang yang utuh di bawah Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Kesultanan Melaka juga mengamalkan dasar perdagangan bebas dan kadar cukai yang rendah yang berjaya menarik pedagang dan golongan cendekiawan dari seluruh dunia. Malahan Kesultanan Melaka juga mempunyai institusi-institusi yang berfungsi dengan baik, serta memberikan rakyat keyakinan untuk menjalankan perniagaan dan menerima keadilan.

Penting juga untuk disebut mengenai peranan tokoh teladan. Saya telah menyebut tadi mengenai Tan Sri P Ramlee, Dato' Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman. Antara tokoh-tokoh yang lain kita juga mempunyai Hang Tuah dan Yam Tuan Antah, Che Siti Wan Kembang dan Tun Teja, Munshi Abdullah dan Za'aba, Puan Sri Saloma dan Dato' Zainal Alam yang terkenal dengan senikata lagu *Undilah* di mana beliau menyanyikan "Undilah chalon yang tuan sukai". Ya, beliau kata "chalon" dan bukan "parti".

dan ramai lagi. Kisah mereka mesti dikongsi dengan golongan muda agar ketokohan mereka boleh diteladani.

Bagaimanapun kita juga mestilah berfikiran secara realistik. Cuba sahaja melamami Facebook atau Instagram dan tuan2 akan dapat lihat siapa yang dijadikan "role model" oleh golongan muda kita hari ini. Kebanyakannya adalah artis-artis. Tetapi kini ada perkembangan yang positif kerana telah ada ikon-ikon baru yang dijadikan teladan oleh golongan muda.

Ya, memang benar pelakon dan penyanyi pasti akan terus popular. Tetapi disebalik nama popular seperti Shaheizy Sam, Nora Danish, Yuna dan Waghih, kita kini mempunyai pemain piano terkemuka seperti Tengku Ahmad Irfan yang sering menghiburkan peminat muzik klasik. Chef Wan merupakan chef yang telah sedia terkenal tetapi pertandingan Masterchef kini telah melahirkan nama baru seperti Nik Michael Imran. Personaliti sukan seperti Jazeman Jaafar, Farah Ann Abdul Hadi dan penyerang Pulau Pinang Faiz Subri kini menjadi inspirasi masyarakat terbanyak yang tidak terhad kepada para peminat sukan mereka sahaja. Malahan melalui Persatuan Skuasy Malaysia saya sendiri melihat begitu ramai pemain baru yang datang dari kampung-kampung dan mereka ini mempunyai potensi untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

Dalam bidang sains angkasawan negara Sheikh Muszaphar Shukor kekal sebagai ikon, dan kini calon doktor falsafah Hafizah Noor Isa juga telah menjadi sumber inspirasi apabila dia menjadi salah seorang ahli kumpulan penyelidik yang membuktikan Teori Gelombang Gravitasi Einstein. Ramai juga anak-anak muda yang menjadi usahawan yang berjaya dan mereka memimpin keusahawanan sosial

yang memberi sumbangan kepada masyarakat. Begitu juga dalam bidang agama. Seperti imam-imam muda yang turut jadi *role model* dan juga di peringkat antarabangsa seperti Dato' Dr Afifi Al-Akiti yang kini berada di Pusat Oxford untuk Pengajian Islam.

Sudah pastilah semua nama-nama tadi mempunyai perspektif yang berbeza mengenai kehidupan. Mereka mungkin tidak memperjuangkan agenda Melayu secara terbuka tetapi hakikatnya merekalah yang menjadi sumber inspirasi generasi akan datang.

Mereka yang kini memegang tampuk kuasa harus berkeyakinan untuk membebaskan golongan muda agar generasi muda boleh membentuk masa depan bangsa kita. Ini sahajalah yang boleh menyelesaikan krisis keyakinan diri dan kepercayaan dalam kalangan generasi muda", yang telah dibentangkan di dalam kertas kerja kongres ini.

Dalam saya menyebut senarai nama sebentar tadi, tuan2 mungkin nampak bahawa saya tidak menyebut nama mana-mana ahli politik. Ini kerana kalau saya menyebut satu nama, akan ada pula yang bertanya kenapa tidak sebut nama yang lain? Tetapi izinkan saya menutup ucapan ini dengan memetik kata-kata Tun Musa Hitam dalam ucapan beliau di majlis anjuran IDEAS minggu lepas. Tun Musa berucap mengenai peri pentingnya membentuk barisan pemimpin pelapis, bukan pengikut membuta tuli. Kata Tun Musa: "Apabila seseorang pemimpin menjulang dirinya dan menuntut ketaatan membuta tatkala tindakannya menyebabkan hilangnya tadbir urus yang baik, hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang dan tidak memperdulikan kebajikan rakyat, maka nantikanlah kedatangan kediktatoran."

Saya suka menekankan bahawa apabila kita bercakap mengenai pemimpin pelapis, kepimpinan itu boleh wujud dalam pelbagai bidang, bukan politik sahaja.

Nenek moyang kita menolak Malayan Union tujuh puluh tahun lalu kerana ia adalah satu bentuk kediktatoran. Hari ini kita mesti menentang kejahilan dan paranoia dalam diri kita sendiri. Dato' Laksamana Hang Tuah pernah berkata "Takkan Melayu Hilang di Dunia". Sesungguhnya jika kita berterusan merasa tidak selamat seolah-olah kita sentiasa diancam dalam dunia ini, selagi itulah kita akan terus jauh dari maksud yang cuba disampaikan oleh kata-kata keramat itu.

Sekian terima kasih, wabilahi taufiq walhidayah, wassalam'ualaikum warahmatullahi wabarakatuh